

# Negara perlu pelabur asing: PM

Oleh ZAMZAM OMAR

SHAH ALAM, Selasa. Penyeritaan pelabur asing terus penting kerana Malaysia memerlukan pemindahan teknologi dalam proses menjadikannya negara maju menjelang tahun 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, Malaysia harus ada daya saing yang tinggi dalam industri pembuatan bukan saja bagi memampung keperluan tempatan, tetapi mencapai tahap persaingan yang kuat untuk memasarkan di luar negara.

Beliau berkata, pemindahan teknologi dari negara maju akan membolehkan Malaysia lebih bersedia memasuki pasaran antarabangsa serta mampu bersaing dengan pengusaha ternama.

Di peringkat awal pembangunan, negara perlu mendapat teknologi asing di samping menjalankan rancangan latihan dan mewujudkan perjanjian teknikal.

"Pelaburan seperti ini membolehkan kita memperluaskan lagi daya pengeluaran ke tahap lebih tinggi dalam teknik pembuatan yang akhirnya membawa negara mencapai matlamatnya sebagai negara industri," katanya ketika melancarkan kereta Proton Saga ke-500,000 serta pembukaan kilang enjin dan transmisi Proton di sini.

Bagi mencapai matlamat itu, kata Perdana Menteri, pengusaha tempatan dan pelabur asing perlu memastikan kejayaan ekonomi, kerana pemindahan teknologi tidak akan berlaku tanpa jurutera, pekerja dan pengurus yang bersungguh-sungguh.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, pasaran domestik yang kecil dengan pendapatan perkapita yang rendah tidak cukup sebagai jentera pertumbuhan jika Malaysia mahu menjadi negara maju.

"Untuk itu, syarikat tempatan yang ingin meningkatkan daya saingan mereka wajar meneroka bidang teknologi serta menggalakkan pengeluaran barangan yang mempunyai nilai ditambah.

"Ini boleh dilakukan jika syarikat memberi penekanan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan serta cergas mengeluarkan barangan berkualiti tinggi," katanya.

Sambil menyifatkan kejayaan Proton memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan industri otomotif dan industri sokongan di negara ini amat membanggakan, beliau berkata, proses perindustrian negara tidak dapat berkembang pesat tanpa industri sokongan.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, negara memilih industri kereta dahulu dan diikuti dengan industri sokongan.

"Bertentangan dengan kritik sebelum ini, terbukti kereta nasional Malaysia mencapai kejayaan membanggakan iaitu dasar tepat kerajaan seperti industri berat lain yang diterokainya.

"Memang di peringkat awal, semua projek industri berat gagal dan rugi tetapi berkat kemampuan mengatasi kelemahan, kita mencapai kejayaan. Namun, perlu diingat bahawa Proton mengeluarkan kereta pertamanya ketika ekonomi negara merosot," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan projek enjin dan transmisi Proton itu adalah satu langkah mewujudkan pengeluaran komponen penting kereta yang memerlukan kecekapan dan teknologi tinggi serta modal besar.

Menurutnya, pertumbuhan dan perkembangan Proton harus menjadi faktor galakan kepada pengusaha untuk tampil meraih segala peluang yang ada.

Perdana Menteri meminta sektor swasta terus memainkan fungsi penting ke arah menjadikan industri otomotif sebagai sektor utama menyumbang ekonomi negara.